

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 30.3.2015

SOALAN :

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kejayaan secara kualitatif dan kuantitatif pelajar menguasai kemahiran berfikir aras tinggi dalam peperiksaan UPSR dan PT3 tahun 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Anjakan pertama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menyatakan bahawa peratusan soalan yang mentaksir secara Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) ditingkatkan berperingkat-peringkat terhadap peperiksaan kebangsaan dan pentaksiran. Sehubungan dengan itu, elemen KBAT telah dimasukkan dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) mulai tahun 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejayaan penguasaan KBAT secara kualitatif dalam kalangan murid dicapai melalui pembentukan sahsiah murid, menggalakkan murid berfikir dan berbincang, melahirkan murid yang proaktif dan kreatif serta mengembangkan kreativiti murid

melalui penilaian berterusan. Bagi kejayaan secara kuantitatif pula, peratusan soalan KBAT yang diadaptasikan dalam UPSR dilakukan secara berperingkat-peringkat sehingga 40 peratus menjelang tahun 2016. Pada masa ini sebanyak 20 hingga 25 peratus elemen KBAT sudah diserapkan dalam tugas PT3 bertujuan mentaksir kemahiran kognitif seperti menganalisis, menilai, mencipta dan kemahiran mengaplikasikan pengetahuan kepada situasi lain. Peratusan KBAT dalam pentaksiran kebangsaan ini adalah selaras dengan *Trends in International Mathematics and Science Studies (TIMMS)* serta *Programme for International Student Assessment (PISA)*.

RJM78